

09 MAY 2001

CHAN-HARTANAH

PENGECCUALIAN DUTI SETEM PEMBELIAN HARTANAH HUJUNG TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Pengecualian duti setem bagi pembelian semua jenis hartanah kepada rakyat tempatan dan asing yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini, akan berkuatkuasa sehingga 31 Dis tahun ini, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy hari ini.

Katanya, syarat pembelian yang layak mendapat pengecualian setem adalah bagi hartanah yang telah siap dibina oleh pemaju yang berdaftar dengan persatuan dan mendapat sijil siap secara praktikal.

Kerajaan menjangkakan sebanyak RM4 bilion hartanah akan dapat dijual sepanjang tempoh pengecualian duti setem ini yang berkuatkuasa ada 28 Mac lalu, kata Chan pada persidangan media di sini.

Ini katanya, mampu mengurangkan kira-kira 10 hingga 15 peratus daripada nilai keseluruhan lebih bekalan hartanah di negara ini yang dianggarkan sebanyak RM29 bilion.

Pada 26 Mac lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pemberian insentif bagi pembelian hartanah dalam usaha kerajaan mengatasi masalah bekalan berlebihan.

Selain pemberian insentif seperti yang ditawarkan dalam kempen pemilikan rumah, kerajaan turut memberi kelonggaran kepada rakyat asing untuk membeli semua jenis hartanah bernilai lebih RM250,000 seunit tanpa mengira baru atau lama.

Pembeli asing juga dibenar mendapatkan pembiayaan daripada sumber kewangan tempatan untuk pembelian hartanah itu tanpa perlu menubuhkan syarikat dengan penyertaan ekuiti tempatan.

Kelonggaran dalam garis panduan baru Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) mengenai pemilikan hartanah oleh warga tempatan dan asing itu bertujuan meningkatkan daya saing negara sebagai lokasi pelaburan.

Sebelum ini, rakyat asing hanya dibenar membeli hartanah daripada projek yang sudah siap atau sekurang-kurangnya 50 peratus dalam pembinaan, manakala pembiayaannya perlu diperoleh dari luar negara.

Chan menambah pengecualian duti setem ini adalah bagi semua unit hartanah tanpa mengira nilainya.

Ditanya mengenai anggaran hasil duti setem yang terpaksa dilepaskan oleh kerajaan berikutan langkah ini, beliau berkata jumlahnya belum dapat dipastikan kerana ia bergantung kepada sambutan orang ramai.

"Kita berharap orang ramai (termasuk rakyat asing) akan mengambil peluang untuk membeli hartanah dalam tempoh ini kerana mereka tidak perlu membayar duti setem," kata beliau.

Sementara itu, presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Datuk Chen Lok Loi berpendapat pengecualian duti setem ini juga boleh dinikmati oleh pemaju yang mana projek mereka akan siap dalam tahun ini.

"Kami sebenarnya berharap pengecualian ini turut meliputi projek yang dalam proses pembinaan ...Bagaimanapun, kami menerima apa yang mampu ditawarkan oleh kerajaan buat masa ini," katanya.

Beliau menambah pemaju yang belum berdaftar dengan REHDA atau Persatuan Pemaju Perumahan Sabah dan Sarawak boleh menikmati insentif ini jika mereka berdaftar dengan persatuan terbabit dalam tempoh yang ditentukan. --

BERNAMA

MOT OS